

# SukIPT dirasmi dengan satu lagi rekod kejohanan

**JOHOR BAHRU** - Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SukIPT) 2016 membuka tirai setelah dirasmikan Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh di Kompleks Sukan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Skudai malam tadi, beberapa jam selepas satu rekod kejohanan dipecahkan oleh Caroline Chan di kolam renang.

Majlis perasmian dimulakan dengan persembahan tarian tradisional oleh Kumpulan Seni Kebudayaan UTM, diikuti perarakan masuk 101 kontinjen yang menyertai edisi ketiga SukIPT.

Acara kemudian diteruskan dengan perarakan bendera SukIPT 2016 oleh Pasukan Pelapis Laut UTM sebelum upacara menaikkan bendera dan nyanyian lagu rasmi sukan dwi tahunan itu.

Kemuncak majlis ialah jaguh lempar cakera Muhammad Irfan Shamsuddin dan atlet judo Nurul Ain Atiqah Mohamad Rosli diberi penghormatan untuk membacakan ikrar kejohanan sukan berkenaan.

Kira-kira 8,000 atlet termasuk 50 daripada universiti luar negara mengambil bahagian dalam SukIPT yang bermula 25 Januari lalu hingga 5 Februari ini yang mempertandingkan 25 acara dan menawarkan 251 pingat emas.

Selain institusi pengajian tinggi awam dan swasta tempatan, edisi kali ini turut disertai universiti dari Thailand, Indonesia, Singapura, Myanmar dan Brunei.

Sementara itu, Caroline bukan sahaja menyumbang emas keempat kepada Universiti Sunway malah turut mencipta rekod baharu kejohanan dalam acara 50 meter kuak lentang wanita dengan catatan masa 32.03 saat, memecahkan rekod Yap Leanne dengan

catatan masa 33.66 pada SukIPT dua tahun lalu.

Caroline, yang sebelum ini menangi emas 100 meter kuak lentang, 200 meter kuak lentang dan 4X100 gaya bebas, berkata tidak menyangka dapat memecahkan rekod.

"Saya sendiri tidak menyangka akan memecahkan rekod pada hari ini. Fokus saya hanyalah untuk memberi aksi terbaik seterusnya menyumbang emas buat Universiti Sunway," katanya.

Universiti Putra Malaysia (UPM) turut mencuri tumpuan apabila membolot empat daripada lima pingat emas yang ditawarkan di gelanggang lawan pedang dalam acara berkumpulan.

UPM meraih emas dalam acara epee lelaki menerusi gandingan mantap Mohamad Roslan Mohamed, Muhammad Aqil Anuar dan Mohamed Syafiq Emir Razali seterusnya mengecewakan tuan rumah UTM 45-34 dalam acara foil lelaki.

Bagi kategori epee wanita, UPM yang diwakili atlet negara Natasha Ezzra Abu Bakar bergandingan dengan Nadzirah Mohd. Azeman serta Nur Aina Jalil membela wakil Universiti Teknologi MARA (UiTM) dengan 45-18.

Dalam acara foil wanita pula, UiTM sekali lagi terpaksa akur kepada UPM selepas tumbang 16-45.

Universiti Nilai berjaya menekat dominasi UPM semalam selepas menundukkan mereka dalam acara sabre lelaki.

Universiti Nilai yang diwakili Adam Nicholas Lindbichler, Andrew Mok Vern Han serta Joshua Koh I Jie memperlihatkan permu-laan yang menyakinkan seterusnya menewaskan lawan mereka dengan 45-35.



**CAROLINE CHAN** meraikan kejayaannya memenangi acara 50m kuak lentang SukIPT 2016 di Stadium Renang UTM , Johor Bahru semalam.